

07/03/2001

Umno hantar cadangan tarikh baru kepada Pas

Sariha Mohd Ali

KUANTAN, Selasa - Jawatankuasa Teknikal Umno akan menghantar perutusan kepada Jawatankuasa Teknikal Pas mencadangkan beberapa tarikh baru untuk pertemuan mereka, selepas tiga tarikh yang dikemukakan Umno, baru-baru ini ditolak Pas kerana dianggap tidak sesuai.

Pas dalam jawapannya kepada Umno menyatakan tiga tarikh yang dicadangkan sebelum ini, terlalu dekat dengan sambutan Aidiladha.

Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob, berkata setakat ini persetujuan mengenai tarikh dan masa belum diputuskan dan difahamkan, Setiausaha Agung Pas, Nasharuddin Mat Isa, akan memaklumkan mengenainya tidak lama lagi.

"Saya berharap Jawatankuasa Teknikal Umno-Pas dapat berjumpa selepas ini bagi menjelaskan kedudukan beberapa perkara berbangkit, selain membolehkan Umno menyatakan pandangannya berhubung agenda muzakarah itu.

"Pertemuan Umno-Pas ini penting dan Umno mempunyai agenda terbuka khusus untuk membincangkan perpaduan Melayu di negara ini.

"Setakat ini, belum ada pihak yang mengatakan bahawa Pas tidak mahu berjumpa Umno, sebaliknya arahan di kedua pihak ialah supaya Jawatankuasa Teknikal berjumpa dahulu.

"Umno sudah membuat perutusan dengan Pas dan saya sudah memberi cadangan tiga tarikh bagi pertemuan itu tetapi mereka menjawab tiga tarikh berkenaan tidak sesuai kerana terlalu dekat dengan perayaan Aidiladha.

"Jadi, kita akan menghantar cadangan beberapa tarikh baru dan saya harap, lepas Raya Haji ini, Jawatankuasa Teknikal berpeluang berjumpa untuk menjelaskan kedudukan perkara yang dibangkitkan," katanya selepas majlis ibadat korban Aidiladha anjuran Majlis Belia Daerah Kuantan dan Jabatan Belia dan Sukan (JBS) Pahang di sini, hari ini.

Khalil berkata, Umno bersedia mengadakan pertemuan itu pada bila-bila masa, malah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri sudah membayangkan keinginannya untuk berjumpa dengan Datuk Fadzil Noor.

"Menerusi perjumpaan ini, banyak perkara boleh diketahui antara satu sama lain kerana kita mempunyai agenda terbuka.

"Pas pula boleh membawa perkara yang dibangkit mereka terus ketika pertemuan itu dan kita rasa, format ini lebih sesuai kerana pertemuan itu dihadiri pemimpin tertinggi kedua-dua parti," katanya.

(END)